

2
RESMI

HIBURAN!

LOUISA CHONG (tengah)
bersama chef-chef selebriti
yang menjayakan rancangan
Sedia Mula Masak.

Sedia Mula masak



Cabaran memasak di RTM2

ADAKAH anda sudah bersedia dengan cabaran terbaru yang akan dibawa dalam rancangan *Sedia Mula Masak*?

Sedia Mula Masak sebuah program masakan yang istimewa menemui penonton setiap Ahad jam 4.30 petang bermula 29 Oktober lalu menerusi saluran RTM2.

Program sebanyak 13 episod terbitan Ambang Entertainment Sdn. Bhd. bersama Ciku Media Sdn. Bhd. itu ditayangkan selama setengah jam.

Sedia Mula Masak ini dihoskan oleh pengacara, pelawak dan pelakon terkenal Louisa Chong.

Rancangan ini diterbitkan berdasarkan konsep rancangan masakan popular *Ready Steady Cook* di United Kingdom.

Sejak diperkenalkan pada tahun 1994, rancangan ini terus berkembang meluas sehingga ke Eropah, Australia, Itali, Kanada serta beberapa buah negara lain.

Malaysia pula menjadi negara pertama di Asia yang mengambil konsep program berkenaan.

Bukan sekadar sebuah program masakan biasa, penonton di rumah berpeluang melihat pertarungan dua kumpulan yang terdiri daripada seorang selebriti chef dan peserta biasa.

Bukan sekadar sebuah program masakan biasa, penonton di rumah berpeluang melihat pertarungan dua kumpulan yang terdiri daripada seorang selebriti chef dan peserta biasa

FLORENCE TAN



Selain menyaksikan peserta memasak, penonton juga pasti akan terhibur dengan gelagat hos dan peserta yang pasti mencuit hati.

la bukan sekadar sebuah rancangan masakan biasa kerana aksi-aksi lucu akan menjadi penyeron kepada program ini.

Setiap minggu dua kumpulan akan bertanding mewakili kumpulan Cili

Hijau dan Tomato Merah.

Seorang wakil kumpulan akan membeli-belah keperluan untuk masakan di pasaraya Tesco yang terkenal dengan barangan yang dijual pada harga berpatutan dan berkualiti.

Mereka hanya dibenarkan membeli bahan masakan yang tidak lebih daripada RM20. Setelah itu, cabaran

memasak pula bermula untuk chef dan peserta menonjolkan skil masakan mereka.

Bagaimanapun, mereka hanya diberikan selama 20 minit saja untuk memasak beberapa jenis masakan. Pelbagai aksi menarik, mencuit hati serta lucu berlaku sepanjang program ini terutamanya yang melibatkan chef terkenal tanah air seperti Chef Ismail, Chef Sobri Mat Noor, Chef Azrah Kamala Shashi, Chef Florence Tan, Chef Mavin Yong dan Chef Norzailina Nordin yang bertungkus-lumus menyediakan menu yang menyelerakan.

Sementara Louisa Chong pula akan sibuk dengan tugasannya meninjau hasil masakan dan chef-chef pula akan sibuk menurunkan rahsia resipi masakan mereka kepada penonton di rumah.

Pengadil pula terdiri daripada penonton di studio dan pemenang akan ditentukan oleh penonton dengan hanya mengangkat kad yang mewakili kumpulan yang dipilih.

Pemenang untuk setiap minggu akan memenangi boucher Tesco Store Malaysia Sdn. Bhd. bernilai RM 100 yang merupakan penaja rancangan ini. Penaja-penaja lain ialah Electrolux, House of Presentation, La Gourmet dan Ms. Read.

Kepada anda yang meminati bidang masakan jangan lupa saksikan *Sedia Mula Masak* setiap hari Ahad pukul 4.30 petang di RTM2.